

MEDIUM PENYEBARAN FAHAMAN SYIAH DI MALAYSIA

1. Aktiviti ziarah

- Penyebaran menerusi ziarah secara rasmi dan tidak rasmi rombongan-rombongan daripada pemimpin-pemimpin Iran ke Malaysia.
- Program ziarah ini diakhiri dengan pelbagai aktiviti seperti ceramah dan penyampaian pandangan berhubung aqidah dan ajaran Syiah.
- Penyebaran fahaman turut tersebar melalui ziarah dan kunjungan ke negara Iran di samping menerusi ziarah dan kunjungan dalam program-program yang diadakan oleh pihak Syiah di India, Bangladesh, Australia, Thailand dan Malaysia.

2. Tajaan pengajian

- Penyebaran dakyah Syiah melalui pelajar Malaysia yang menuntut di Iran dan mendapat biasiswa khas daripada Kerajaan Iran. Terdapat juga pelajar dihantar ke Pakistan untuk mempelajari aqidah dan ajaran Syiah. Penghantaran pelajar ini bermula semenjak sekian lama, iaitu lebih daripada 20 tahun.
- Pada tahun 1984, seramai enam orang pelajar dari Sekolah Agama Darul Al-Falah telah dihantar menyambung pelajaran di Universiti Qom di Iran. Selepas itu dihantar pula seramai 10 orang pelajar lelaki dan perempuan daripada sekolah yang sama dan Sekolah Agama Darul Al-'Atiq di Johor Bahru ke Pakistan bagi mempelajari bahasa Parsi dan ajaran Syiah di sana.
- Pelajar-pelajar ini apabila pulang akan berperanan sebagai pendakwah Syiah dan mengembangkan Syiah di Malaysia.

3. Pengukuhan peranan pegawai Kedutaan Iran

- Para pegawai Kedutaan Iran di Malaysia giat mengunjungi dan melakukan aktiviti ziarah ke pusat pengajian tinggi dan sekolah-sekolah.
- Penyampaian pelbagai bantuan dan sumbangan berupa buku serta majalah Syiah kepada perpustakaan umum, universiti, kolej, masjid, dan penerbit-penerbit buku bertujuan untuk memancing dan minat masyarakat tempatan menyertai fahaman Syiah.
- Penghantaran beberapa orang tempatan ke Makkah untuk menunaikan haji bersama pengikut-pengikut Syiah secara percuma turut dilakukan.

4. Penyebaran buku dan risalah fahaman Syiah

- Penyebaran risalah, buku, dan majalah Syiah kepada orang ramai seperti *Fatimah* dan *Al-Quds*.
- Penterjemahan buku-buku tentang Syiah ke dalam bahasa Melayu seperti buku *Nahju Al-Haq Wa Kasyfu As-Sidq* yang ditulis oleh penulis Syiah yang bernama Al-Hasan Bin Yusuf Al-Mutahhar Al-Hiliyy. Buku tersebut telah diterjemahkan oleh Lutfi Ibrahim ke dalam bahasa Melayu dan menjadi rujukan utama bagi pengikut Syiah di Malaysia. Antara beberapa buah buku yang mengandungi dakyah dan doktrin agama Syiah adalah:
 - *Meniti Titian Kebenaran Mazhab Rasul dan Mazhab Ahlul Bait* oleh Khair Izzah.
 - *Inilah Khulafa' Ar-Rasyidin Rasul* oleh Khair Izzah.
 - *Dialog Sunnah Syiah* oleh A. Syarafuddin Al-Musawi.
 - *Akhirnya Ku Temui Kebenaran* oleh Dr. Muhammad Al-Tijani.

5. Sokongan ahli politik dan ahli akademik

• i. Ahli politik:

- Mereka turut mendapat bantuan dan sokongan daripada ahli politik di Malaysia. Sesetengah pemimpin politik pro Islam menyokong Kerajaan Iran. Antara mereka ada yang menganggap tidak ada beza antara Syiah dan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Pegawai Diplomasi Iran pernah mempelawa Almarhum Dato' Fadzil Muhammad Noor (1937-2002) mantan Presiden Parti Islam SeMalaysia (PAS) mengubati dan merawat penyakitnya di Tehran, Iran. Ini menunjukkan beberapa perkara, pertama: terdapat usaha daripada golongan Syiah untuk menjalinkan hubungan dengan pemimpin politik Islam di Malaysia; kedua: kehebatan pemimpin PAS sehingga disanjung dan dipandang tinggi oleh orang Syiah; ketiga: kemungkinan ada hubungan baik antara Iran dan PAS di Malaysia. Namun, hubungan tersebut bukanlah hubungan kerjasama untuk menyebarkan Syiah di Malaysia.

5. Sokongan ahli politik dan akademik (sambungan)

• B. Ahli akademik:

- Terdapat golongan akademik terdiri daripada pensyarah universiti, kolej dan institusi-institusi pendidikan lain di Malaysia yang terpengaruh dengan Syiah. Ini memudahkan penyebaran ajaran Syiah dalam masyarakat pelajar di Malaysia apatah lagi Kerajaan Iran memberi biasiswa kepada pelajar-pelajar Malaysia bagi melanjutkan pengajian mereka di Iran dan Pakistan.
- Beberapa buah pusat pengajian tinggi telah dikenal pasti menjadi sasaran Syiah iaitu Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Universiti Teknologi Mara.
- Melalui majlis-majlis ilmu yang diadakan di universiti atau pusat-pusat pengajian tinggi yang lain, pensyarah dan guru-guru menyebarkan dakwah Syiah di majlis-majlis tersebut yang turut dihadiri oleh ulama Syiah. Terdapat juga pensyarah yang sengaja memberi tugas kepada pelajar termasuk mengkaji dan menyelidik tentang Syiah, membuat ringkasan teks-teks ucapan pemimpin Syiah dan seumpamanya agar mereka dapat mengenali Syiah dan terpengaruh dengannya.

6. Penyebaran Melalui Media Sosial (Blog, *Facebook* dan *YouTube*)

- Penyebaran ajaran Syiah muncul melalui media sosial di Malaysia menerusi dua medium utama iaitu blog dan *Facebook*. Sebelum *Facebook* digunakan secara meluas, blog telah digunakan untuk memaparkan maklumat tentang Syiah dan menjelaskan idealisme mereka.
- Beberapa blog berbahasa Melayu yang telah dibangunkan seperti <http://www.shia-explained.com/my>. Namun, semenjak 2013, kedapatan blog Syiah semakin berkurangan mungkin disebabkan tekanan yang diterima oleh mereka.
- Sementara menerusi akaun *Facebook* pula, ianya bersifat peribadi dan terdapat sebahagian pengikut Syiah menonjolkan identiti mereka sebagai penyokong dan pendukung Syiah secara jelas. Manakala sebahagian yang lain pula memilih untuk menyembunyikan identiti mereka secara samaran sebagai satu strategi untuk membolehkan mereka bertindak secara agresif dalam membuat serangan atau mempertahankan kumpulan mereka.
- Antara isu-isu yang digunakan untuk mempropagandakan fahaman Syiah adalah biasanya mereka akan menyebut kelebihan dan kebaikan yang terdapat pada Ahlul Bait untuk mencetuskan perasaan kasih dan sayang terhadap Baginda SAW dan keluarga di kalangan para pembaca atau pendengar.

PEMBENTUKAN HAUZAH-HAUZAH DAN HUSAINIYAT SYIAH DI MALAYSIA

Hauzah al Ridha. No. 9C & 11C, Jalan SG 3/16, Taman Sri Gombak, Batu Caves, 68100 Selangor.

Hussainiyah Al-Hujjat No. 14-1A, Jalan UP ½ Taman Ukay Perdana, Ampang 68000 Selangor.

Balai Ali Al-Attas, No. 24, Jalan Mohamad Taib, Wadi Hassan, Johor Bharu, Johor.

Hauzah Raudathul Hurr. Lot 455, No 14B, Jalan Hj Mahmood, Batu 17 Jalan Sg. Tiram, 81800 Ulu Tiram, Johor.

Hauzah Salman al Farisi. No. 37, Jalan Sagu 15, Taman Daya, Johor Bahru, Johor.

Hauzah Dewan Husainiyyah, Larkin Perdana, Johor Baru, Johor.

Hauzah Ummu Abiha di Jalan Yadi, Klang.(lokasi tidak dapat dikenal pasti)

Pusat Pengajian Husainiyah az-Zahra', Kampong Alor Beral Mukim Tobiar, Pendang, Kedah Darul Aman.

NAMA SYARIKAT DAN PERTUBUHAN YANG DIGUNAKAN DI MALAYSIA

Hauzah Ali Ar-Ridha Resources di alamat No.11C, Jalan SG 3/16, Taman Sri Gombak, Batu Caves, 68100 Selangor. Syarikat ini menjalankan urusan perniagaan seperti mencetak, menjual alat tulis dan buku-buku.

Majlis A'la Talabah Malaysia (MA'LA), tidak berdaftar dengan Jabatan Pertubuhan Malaysia. Persatuan ini adalah sebuah badan pembimbing dan penasihat jamaah Ahlul Bait di Malaysia.

Majma' Ahlul Bait Sedunia, alamat adalah sama dengan alamat Hauzah ar-Ridha di Taman Sri Gombak. Persatuan ini juga tidak berdaftar dengan Jabatan Pertubuhan Malaysia.

Majlis Syiah Malaysia di alamat No 10-12, Jalan 4/4C, Desa Melawati, 53100 Kuala Lumpur.

Masyarakat Awam Syiah Imamiah (Ja'fari) Malaysia, beralamat di alamat No.9C, Jalan SG 3/16, Taman Sri Gombak, Batu Caves, 68100 Selangor.